

# BULETIN PESARA

## Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 10 (1), Mei 2020

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

### MINDA PENGERUSI



Saudara/saudari yang dihormati.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dapat bertemu semula dalam Buletin Pesara keluaran ketiga sesi 2019/2020 ini. Semoga kita semua diberi kesihatan yang baik untuk meneruskan penghidupan kita dengan aktiviti yang bermakna. Kebetulan pada waktu ini negara kita telah diserang dengan wabak Covid-19 dan bermula 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020, negara kita menguatkuaskan PKP, yang melarang rakyat negara ini keluar rumah sekiranya tiada urusan yang amat penting. Serangan wabak Covid-19 ini telah menular seluruh dunia yang telah melibatkan ribuan kematian. Hanya Allah yang tahu di sebalik penularan yang dianggap luar biasa ini yang menyebabkan pakar-pakar perubatan seluruh dunia berusaha mencari vaksin yang boleh menyembuhkan penyakit ini. Justeru saya mengharapkan semua warga pesara UKM, bersabar dan mematuhi segala arahan yang disampaikan oleh pihak kerajaan. Semoga kita semua dilindungi Allah daripada jangkitan wabak ini.

Kesan daripada penularan wabak ini dan dengan adanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Persatuan terpaksa membatalkan/menangguhkan beberapa aktivitinya seperti mesyuarat-mesyuarat dan juga Majlis Hari Raya 2020. Namun begitu, maklumat-maklumat dan berita-berita terkini terus disampaikan kepada ahli menerusi media maya dan media massa.

Walau bagaimanapun dalam keadaan negara kita menghadapi kemelut Covid-19 ini, secara tidak disangka muncul seorang hero yang berusaha bertungkus lumus bersama pasukan kesihatannya dalam mengekang penularan wabak Covid-19 terus merebak. Tokoh yang dimaksudkan ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan baru menyambut hari lahirnya yang ke 57 tahun pada 21 April 2020. Beliau merupakan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Pengiktirafan beliau bukan sahaja datangnya daripada rakyat tempatan malahan China Global TV Network (CGTN) yang menamakan beliau sebagai salah seorang dari tiga orang doktor seluruh dunia yang berjaya menangani wabak Covid-19 ini dengan jayanya.

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah merupakan salah seorang alumni UKM yang memperolehi ijazah Doktor Perubatan pada tahun 1988 dan Sarjana Pembedahan 1994. Saya mewakili seluruh Ahli Persatuan Pesara UKM mengucapkan tahniah dan syabas di atas

kegigihan dan kehebatan beliau dalam usaha mengekang penyakit merbahaya ini dari terus merebak. UKM turut berbangga di atas usaha yang telah beliau lakukan kepada negara dan dapat mengangkat nama negara kita di mata dunia. Memetik kata-kata Wong Chun Wai dalam *The Star Online* pada 18 April 2020 berbunyi, "...as UKM pays tribute to our alumnus and the achievements of the university, I must take this occasion to single out Dr. Noor Hisham in the roll call for our Golden Jubilee milestone". Semoga Allah membala jasa baik di atas usaha Dr. Hisham, menyelamatkan nyawa manusia.

Di samping itu, Persatuan juga berbangga dan amat berterima kasih kepada semua anggota Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Barisan Hadapan Malaysia yang tidak mengira masa dan kepentingan/keselamatan diri dalam memberikan khidmat cemerlang mereka, membantu negara menangani isu covid-19. Kita sebagai rakyat Malaysia, wajiblah memberikan kerjasama kepada mereka dan mematuhi arahan dan perintah kerajaan dari masa ke masa, semoga mala petaka ini dapat diputuskan sesegera yang mungkin.

Selanjutnya, pihak Persatuan Pesara menyambut baik usaha Naib Canselor dan para pemimpin UKM mengatur pelbagai acara bagi menyambut ulang tahun ke 50 penubuhan UKM. **Malangnya disebabkan berlakunya wabak Covid-19 dan PKP pada ketika ini**, segala aktiviti yang telah dirancang akan ditangguhkan ke satu masa yang mengizinkan. Walau bagaimanapun hanya persidangan akhbar dan media massa yang tidak melibatkan perkumpulan orang ramai sahaja akan diteruskan.

Bersempena Jubilee Emas UKM pada Mei 2020 ini, kita ingin mengimbas kembali penubuhan UKM masa lalu. UKM ditubuhkan pada 18 Mei 1970, dengan tiga buah fakulti memulakan pengajian iaitu Fakulti Sastera, Fakulti Sains dan Fakulti Pengajian Islam, yang diusahakan bersungguh-sungguh oleh Menteri Pelajaran Waktu itu Datuk Patinggi Abd. Rahman Yaakub. Pada tarikh itu juga seramai 190 orang siswa/siswi baru telah memulakan pengajian. Allahyarham Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba sebagai Naib Canselor pertama dan Allahyarham Tun Abdullah Salleh sebagai Pendaftar yang pertama. Bangunan Maktab Perguruan Bahasa, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur menjadi Kampus sementara dan beroperasi sehingga tahun 1978. Selepas itu kampus tetap berpindah ke Bangi hingga sekarang. Penubuhan UKM ini hasil desakan masyarakat seluruh negara yang muhun menjadikan Bahasa Melayu menjadi Bahasa ilmu di peringkat pengajian tinggi yang boleh mengangkat tamadun bangsa. Akhirnya tuntutan rakyat massa menjadi realiti seperti yang dinyatakan di atas.

Bermula daripada generasi pertama, kedua, ketiga dan keempat sewaktu beroperasi di Jalan Pantai dan sekarang kesemua daripada mereka telah melalui hari persaraan. Namun begitu dengan menggunakan Bahasa Melayu sewaktu belajar di UKM, mereka telah menjadi golongan tokoh-tokoh yang berjawatan tinggi seperti: Pengarah di Jabatan Kerajaan, CEO di Swasta, ahli Akademik sehingga tahap Profesor/Prof. Emeritus, tenaga akademik di sekolah sehingga ke tahap Ketua Pengarah Pendidikan Daerah/Negeri dan Negara, ahli politik, usahawan dan sebagainya. Ramai juga di kalangan mereka dikurniakan anugerah negara dan negeri; Tan Sri, Dato' Sri, Datuk dan sebagainya. Justeru setelah 50 tahun UKM menjadi institusi yang terulung di negara dan dunia serta telah menghasilkan ribuan graduan dan para profesional yang unggul seperti YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah seperti yang

telah dinyatakan di atas. Golongan profesional ini semuanya telah membantu negara Malaysia terus membangun.

Justeru Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu bukan penghalang kepada kemajuan sebuah negara Merdeka. Lantaran itu pihak Universiti perlu terus memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu walau dalam bidang pengajian apa sekalipun. Buktinya telah terbentang di hadapan mata, bahawa ribuan graduan UKM yang mendapat pendidikan menggunakan Bahasa Melayu telah memegang jawatan penting dalam berbagai bidang di dalam dan luar negara. Berfikiran optimislah bahawa Bahasa Melayu boleh membawa kemajuan kepada negara.

Dalam pada itu kepentingan menguasai bahasa asing di kalangan siswa/siswinya juga tidak diketepikan. Bahasa Arab, Inggeris, Perancis, German, Sepanyol, Korea, Jepun, Mandarin dan sebagainya sistem pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa tersebut perlu dipertingkatkan. Contohnya, para pelajar kita yang hendak belajar ke Jerman, Jepun, Korea dan sebagainya perlu mempelajari bahasa-bahasa tersebut terlebih dahulu dan selama 6 bulan mereka boleh menguasainya. Selepas itu bahanarulah mereka dihantar ke negara-negara tersebut. Amat malang di negara ini selama 11 tahun dari darjah satu hingga Tingkatan 5, pelajar kita masih belum dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Justeru sekiranya para pendidik di UKM dapat menghasilkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa asing dengan tuntas seperti menggunakan makmal bahasa, kepada siswa/siswinya merupakan satu usaha yang sangat baik. Sekiranya ini dapat dilakukan sebuah institusi bahasa asing boleh diwujudkan bagi memberi peluang kepada para pelajarnya mendalami bahasa-bahasa asing tersebut.

Bahasa Melayu sebagai teras bahasa pengantar (*medium of instruction*) mendalami ilmu di pelbagai bidang, pada waktu yang sama berjaya menghasilkan graduannya yang boleh menguasai bahasa kedua seperti Bahasa Arab, Inggeris, Perancis, Jepun, Korea dan sebagainya. Lakukanlah anjakan paradigma baru yang boleh mengangkat UKM bukan sahaja menghasilkan ramai graduannya dalam berbagai bidang pengajian tetapi setiap graduan tersebut telah disediakan dengan pelbagai bahasa asing pilihan mereka dengan baik sekali gus dapat mengangkat UKM pada mata masyarakat dalam negara malahan juga di mata dunia.

Selamat menyambut hari ulang tahun ke-50 penubuhan UKM pada Mei 2020. Sementara itu jagalah kebersihan dan kesihatan dan patuhi arahan supaya kita sama-sama berusaha menangani wabak covid-10.

Akhir sekali, SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN ALMUBARAK DAN SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA IDUL FITRI 1441. MAAF ZAHIR BATIN.

## LAPORAN BIRO KEBAJIKAN

### Dalam Kenangan/Takziah

(ada di antaranya yang tidak dapat di ziarah atas kekangan PKP)

2/2/2020 menziarahi balu Allahyarham En Abdul Hamid b Ramli Pn Rohani Bahrin yang terlantar sakit. Sekarang menerima rawatan di Hukm. Telah menghubungi Pejabat Zakat utk memberi bantuan segera dari segi perubatan dan bantuan sara hidup.

28/2/2020 menziarahi keluarga Allahyarhamah Hjh Ramlah Osman mantan Ketua Penolong Pendaftar, Unit Rundingcara Pelajar, HEP.

Almarhum Dato Dr. Ariffin Ngah Marzuki 3 September 1925 – 17 Ogos 2019

Allahyarham Dr. Harun Ngah Mat Piah (Ahli Persatuan Pesara UKM 634) 11 Februari 1938 – 10 September 2019

Allahyarham Prof. Emeritus. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Rashdan Haji Baba Mantan Naib Canselor UKM Yang Pertama (1 September 1969 – 31 Mac 1971) 31 Oktober 1935 – 30 Mac 2020

Allahyarhamah Puan Mahani Mohd., Yatim, (Ahli Persatuan Pesara PP0046) yang berpulang ke rahmatullah pada 21 April 2020.

## PAWE (PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS)

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UKM pada 27 Ogos 2019 (Selasa) pukul 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Masjid UKM telah dimaklumkan oleh wakil Persatuan Pesara UKM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin yang juga merupakan Timbalan Pengurus Persatuan Pesara telah memaklumkan bahawa pejabat Yayasan Canselori telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi mengadakan aktiviti-aktiviti warga emas yang begitu sesuai dengan kegiatan Persatuan Pesara UKM.

Oleh yang demikian, PAWE yang ditubuhkan oleh Yayasan Canselori, telah bersetuju bahawa pusat ini diletakkan terus di bawah kendalian Persatuan Pesara UKM yang akan menggerakkan segala aktiviti yang akan dilaksanakan bagi faedah para pesara UKM dan masyarakat di sekitar Bandar Baru Bangi.

Bagi menggerakkan aktiviti ini sepanjang tahun, Mesyuarat AJK Persatuan Pesara UKM pada 21/11/2019, jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Pusat Sukan UKM, Pengurus PAWE Prof. Dato' Dr. Mohd. Samsudin telah memaklumkan bahawa dana sebanyak RM90 ribu telah dimasukkan ke dalam akaun UKM bagi tujuan ubahsuai pejabat PAWE. Selain dari itu, pengurus PAWE telah menandatangani surat perjanjian dan persetujuan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Selangor untuk memasukkan dana sejumlah RM10 ribu ke dalam akaun Persatuan Pesara UKM.

Sebenarnya sebelum PAWE ini diletakkan secara sah di bawah Persatuan Pesara UKM, sebanyak 9 siri aktiviti yang diadakan di Masjid Al-Umm, Bandar Baru Bangi yang diketuai oleh Prof. Suzana dan para pensyarah serta pelajar tahun akhir Fakulti Sains Kesihatan dan

Fakulti Farmasi UKM. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan antaranya ialah: ceramah kesihatan, saringan kesihatan, demo masakan, brain game, senaman, berenang dan nutrition. Kebanyakan peserta warga emas para pesara UKM (ahli dan bukan ahli) dan penduduk sekitar Bandar Baru Bangi.

Pejabat PAWE terletak di Kolej Kris Mas, Aras 5. Beberapa kemudahan telah disediakan termasuk bilik aktiviti, ruang memasak dan beberapa ruang lagi. Sebanyak 5 petak parkir telah disediakan untuk para ahli PAWE yang ingin menjalani aktiviti di Pusat aktiviti tersebut.

Bagi menjalankan aktiviti PAWE lebih lancar seramai lapan ahli Jawatan Kuasa Pesara UKM telah dilantik juga sebagai ahli Jawatan Kuasa PAWE. Surat watikah pelantikan bertarikh 22 Julai 2019 telah disampai pada mesyuarat tersebut yang berkuat kuasa selama tempoh tiga tahun.

### **AHLI JAWATANKUASA**

Penaung	Prof. Ir. Dr. Mohd. Hamdi Abd. Shukor (Naib Canselor UKM)
Penasihat 1	Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah (Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri dan Masyarakat UKM)
Penasihat 2	Prof. Dr. Suzana Shahar (Pengerusi HCARE, UKM)
Pengerusi	Dato Dr. Mohd. Wahid Samsudin (Timbalan Pengerusi Persatuan Pesara UKM)
Naib Pengerusi	Ir. Ishak Arshad (Ajk Persatuan Pesara UKM)
Setiausaha	Hj. Abd. Talib Harun (Setiausaha Persatuan Pesara UKM)
Penolong Setiausaha	Pn.Syazwan Mastor (Penolong Pegawai Sains HCARE)
Bendahari	Sdr. Abd. Rahman Madon (Persatuan Pesara UKM)
Penolong Bendahari	Sdr. Mhd. Zul Amin Kamarudin (Pegawai Penyelidik HCARE UKM)
Infrastruktur/Kemudahan Awam	Sdr. Ayub Saffar (Ahli Persatuan Pesara UKM) Dr. Arimi Fitri Mat Ludin (Felo HCARA UKM)
Sukan dan Sosial	Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya (AJK Persatuan Pesara UKM) Prof. Madya Dr. Roslee (Felo HCARE UKM)
Kebajikan	Hjh Kamariah Mohd. Yusof (AJK Persatuan Pesara UKM) Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi (Felo HCARE UKM /Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan UKM)
Ekonomi	Hjh Salmah Kasmani (AJK Persatuan Pesara UKM) Puan Noor Shahida Sukiman (Pegawai Sains HCARE)
Kebersihan Persekitaran dan Keceriaan	Dr. Misran Rokiman (AJK Persatuan Pesara UKM) Prof. Madya Dr. Hasnah Haron (Felo HCARE UKM)

Pada 8/2/2020 (Sabtu), bertempat di Masjid Al-Umm, Bandar Baru Bangi, bermula 8.00 pagi – 12.30 tengah hari, ahli-ahli Jawatan kuasa PAWE bersama para pesara UKM dan masyarakat sekitar dapat mengikuti Program We Sihat, Tahap 2, Siri 1. Aktiviti yang dijalankan: Modul Pemakanan Seimbang Warga Emas oleh Prof. Dr. Suzana Shahar, Modul Insan Sihat oleh Prof. Madya Dr. Rosnah Sutan dan Senaman pagi dikendalikan oleh Dr. Arimi Fitri Mat Ludin. Mereka semua didatangkan daripada Fakulti Kesihatan, UKM, Kuala Lumpur.

Aktiviti selanjutnya di adakan pada 15/2/2020 (Sabtu) pada waktu dan tempat yang sama iaitu Program We Sihat Tahap 2. Aktiviti dimulakan dengan Senaman Pagi oleh Dr. Arini Fitri Mat Ludin (FSK, UKM, KL). Kemudian disusuli dengan Modul Psiko-Sosial Warga Emas di sampaikan oleh Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi (Pusat Psikologi, FSSK, UKM). Selepas rehat dan minum pagi aktiviti diteruskan dengan Tips Cegah Gejala Jatuh yang disampaikan oleh Dr. Masne Kadar (FSK, UKM, KL). Aktiviti terakhir ialah, Edible Garden, Terapi Tanaman disampaikan oleh Lar. Dr. Noor Hayati Ismail (FSK, UKM < KL). Apa yang menarik, pada setiap Program, sebelum ceramah dimulakan, diadakan senaman ringan selama 20 minit bagi menyegarkan badan dan melembutkan otot-otot. Sebelum aktiviti ditamatkan, dipersembahkan demonstrasi menyediakan makanan berkhasiat daripada pelajar Ph.D Fakulti Sains Kesihatan, UKM, yang sesuai bagi warga emas yang kurang selera makan sebagai makanan tambahan.

Beberapa program dan aktiviti lain akan diteruskan dari masa ke masa. Selain daripada dapat menambah ilmu pengetahuan tentang penjagaan kesihatan dan pemakanan, para peserta dapat beramah mesra dan mengeratkan silaturahim.



MESYUARAT AJK PAWE BIL.  
2/2024 Feb., 2020  
Bilik Mesyuarat Unit Sukan, UKM



PENYERAHAN KUNCI PEJABAT PAWE  
Di Tingkat 5, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas  
Oleh Prof. Dr. Suzana Shahar (Pengerusi HCARE, UKM  
merangkap Penasihat 2 PAWE) kepada Dato Dr. Mohd.

Wahid Samsudin (Pengerusi PAWE)  
Pada 5 Mac 2020

PROGRAM WE SIHAT (WARGA EMAS & OKU TAHAP 2, SIRI 1 DAN 2 TELAH DIADAKAN DI MASJID AL UMM, BANDAR BARU BANGI PADA 8 FEBRUARI 2020 DAN 15 FEBRUARI 2020 JAM 8.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI



## ATUR CARA PROGRAM WE SIHAT (WARGA EMAS & OKU) TAHAP 2

### SIRI 1 - SABTU 8 FEBRUARI 2020

7.30 – 8.10 pagi	Pendaftaran
8.10 – 8.15 pagi	Bacaan Doa
8.15 – 8.20 pagi 8pagi	Ucapan oleh Dato' Dr. Mohd Wahid Samsudin (Pengerusi PAWE UKM)
8.20 – 8.30	Senaman Pagi Dr. Arimi Fitri Mat Ludin
8.30 - 10.00 pagi-	Modul Insan Sihat Prof. Madya Dr. Rosnah Sutan
10.00 - 10.30 pagi-	Rehat
10.30 – 12.00 tengahari-	Pemakanan Seimbang Warga Emas Prof. Dr. Suzana Shahar
12.00 tengahari	Bersurai

### SIRI 2 - SABTU 15 FEBRUARI 2020

7.30 – 8.20 pagi	Pendaftaran
8.20 – 8.30 pagi	Senaman Pagi Dr. Arimi Fitri Mat Ludin
8.30 - 10.00 pagi	Modul Psiko-Sosial Warga Emas Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi
10.00 - 10.30 pagi	Rehat
10.30 - 11.00 pagi	Tips Cegah Gejala Jatuh Dr. Masne Kadar
11.00 – 12.00 tengahari	Edible Garden - Terapi Tanaman LAr. Dr. Noor Hayati Binti Ismail
12.00 tengahari	Bersurai

## TATA CARA PENGAMBILAN UBAT-UBATAN DI HCTM DAN KLINIK KESIHATAN, BANDAR BARU BANGI SEPANJANG TEMPOH PKP BERLANGSUNG.

### **TATACARA PERKHIDMATAN PANGGIL DAN AMBIL UBAT (PANDU LAJU) DI HCTM**



### **TATACARA**

### **PENGHANTARAN UBAT TERUS KE RUMAH DARI HCTM**



## NOMBOR-NOMBOR TEL KLINIK DI HCTM

SILA DIAL 03 9145 DAN DIIKUTI DENGAN NOMBOR SAMBUNGAN DIKEHENDAKI  
CONTOH: 039145 7080

ATAU

DIAL NOMBOR TALIAN UTAMA HCTM 03 9145 5555 DAN MOHON UNTUK DISAMBUNGKAN KE TALIAN SAMBUNGAN DIKEHENDAKI

BIL	KLINIK / LOKASI	NOMBOR SAMBUNGAN
1	KLINIK PEDIATRIK	7030 / 7031
2	PUSAT PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (CDC)	7055 / 7056 / 7057
3	PUSAT JAGAAN HARIAN PEDIATRIK	7404 / 7405
4	KLINIK OBSTETRIK & GINEKOLOGI	7000 / 7001
5	PUSAT REPRODUKTIF (MAC)	7013 / 7014
6	KEMASUKAN KECEMASAN KES O & G (PAC)	7018 / 7019
7	PUSAT JAGAAN HARIAN O&G	7102
8	GYNAE ONKOLOGI	7104
9	KLINIK NEFROLOGI & SLE	7318 / 7319
10	PUSAT JAGAAN HARIAN HEMATOLOGI	7315 / 7316 / 7317
11	KLINIK PERUBATAN 1(KPR1)	7080 / 7081
12	KLINIK PERUBATAN 2 (KPR2)	7301
13	KLINIK ORTOPEDIK	7330 / 7331
14	KLINIK SURGERI	7061
15	PUSAT JAGAAN HARIAN SURGERI	7259
16	PUSAT ENDOSKOPI	7460
17	KLINIK OFTALMOLOGI	7180 / 7181
18	KLINIK OTORINOLARINGOLOGI	7380 / 7381
19	KLINIK AUDIOLOGI	7398
20	KLINIK ONKOLOGI	7270
21	PUSAT JAGAAN HARIAN ONKOLOGI	6575 / 7154
22	UNIT PERANCANGAN & RAWATAN RADIOTERAPI	5668 / 5826
23	RADIOLOGI	5610 / 5632 / 5868

1/2

## TATACARA MENGAMBIL UBAT SUSULAN DI KLINIK KESIHATAN, BANDAR BARU BANGI



Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pengunjung Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bagi memudahkan pesakit untuk mengambil ubat susulan **preskripsi ubat Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi sahaja pada 24 Mac 2020 - 30 April 2020** disarankan untuk 'WhatsApp dan Ambil' mengikut tatacara berikut:

Whatsapp no. 018-3258813 sehari sebelum hadir (hari bekerja)



Tangkap gambar surat ubat depan & belakang (surat ubat KKBangi sahaja)



Bawa surat ubat yang asal



Terima mesej WhatsApp "berjaya" daripada kami



Waktu hari bekerja Isnin - Jumaat (8.00 am - 5.00 pm)



Unit Farmasi,  
Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi  
03-89258707 (Ext.: 124)





## SASTERAWAN NEGARA

### DR. SITI ZAINON ISMAIL

Ijazah Sarjana Muda Seni Rupa Akademi Seni Rupa Indonesia, Yogyakarta (B.F.A. 1973)

Sarjana Sastera (UKM 1980)

Ijazah Doktor Falsafah (UM 1992)

(*Prof. Sejarah Seni dan Estetika, Falsafah Kebudayaan dan Kesenian, Seni Budaya Warisan Alam Melayu-Nusantara*)

UKM (PER) 2407; bersara 18/1/2006

Keahlian Persatuan Pesara UKM (PP 0272)

Dr. Siti Zainon Ismail telah dianugerahkan Sastera Negara ke-14 pada 21 Sept., 2019 oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong AL-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ai-Musta'in Billah di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Gelaran tersebut juga melayakkan Siti Zainon menerima warkah penghormatan negara; wang tunai RM60,000.00; hak penerbitan sebanyak 50,000 naskhah buku atau nilai harga buku maksimum berjumlah RM500,000.00 untuk dibeli kerajaan dan disebarluaskan ke sekolah, perpustakaan, jabatan dan agensi kerajaan.



Siti Zainon juga akan menerima kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan; kemudahan untuk kegiatan mencipta karya sastera; kemudahan untuk penerbitan karya; penterjemahan karya yang sesuai dalam bahasa asing dan eluan sara hidup sebanyak RM5,000 sebulan.

*Siti Zainon* merupakan wanita kedua yang diangkat sebagai sasterawan negara selepas penyair Zurinah Hassan.

### SUSASTERA Siti Zainon Ismail

“Herstory” Kepenggarangan Siti Zainon Ismail. Kenyataan ini bermaksud yang dipaparkan lebih kepada pengisahan tentang dunia yang dialaminya sebagai pelukis, penulis serta budayawan. Sudah tentu, Siti Zainon memberi kelainan berbanding pengarang wanita lain sebab dunianya ialah dunia sarjana, dicampuri dunia seni lukis, puisi, cerpen, novel dan eseis.

Barangkali di peringkat Asia Tenggara sedikit terlibat seperti Siti Zainon..” (Prof. Madya Dr. Awang Azman A Pawi (DBP 2004)

Sasterawan Negara, Prof Emeritus Dr Muhammad Salleh, berkata Siti Zainon bukan setakat membawa sastera tanah air ke Asia Tenggara, bahkan hingga Eropah, Russia dan Jepun.

**SITI ZAINON ISMAIL :** nama yang tidak asing dalam dunia kesusasteraan dan kesenian Malaysia. Pengkaji seni budaya warisan Melayu, adalah seniman penyair dan pelukis ini adalah puteri kelahiran Gombak, Kuala Lumpur (18 Disember 1949). Berdarah keturunan Melayu - Minang - Batubara, Jawa - Banjar. Juga diasuh oleh 'ayah kedua' Pakwan Chik Muhammad berketurunan Aceh-Patanni. Mendapat pendidikan asas di Sekolah Rendah Setapak, Kuala Lumpur dan Sekolah Rendah Langgar, Kota Bharu (1956-1958) dan seterusnya ke Sekolah Menengah Aminudin Baki (SAB), Kuala Lumpur (1962-1968). Beliau mengaji dengan abah dan 'Ayah Mat' di wakaf Makam Di Raja Langgar Kota Bharu yang juga memberinya cerita wayang kulit. Di Kota Bharu juga beliau mula belajar mencolek kain batik. Di SAB beliau dilatih oleh guru seni lukis Idris Haji Salam sehingga ia bergabung pula dengan Angkatan Pelukis Semenanjung (APS, 1964-1968). Oleh sebab minatnya kepada seni lukis beliau melanjutkan pengajiannya ke pendidikan seni di Institut Seni Indonesia (ASRI) jurusan Seni Lukis (1970-1973). Beliau merupakan pelajar seni lukis yang kerap memenangi Anugerah Sketsa Kartini (1970-1973). Selama di ASRI turut bergabung dengan Sanggar Dewata dan turut pameran keliling Jawa. Juga di undang oleh Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta Pameran Solo di Taman Ismail Marzuki. Pada bulan Februari 1974 pulang ke tanah air bertugas sebagai Jurulatih Seni Lukis di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (1974-1976). Seterusnya sebagai tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia (1976) dan lulus Sarjana Sastera (UKM. 1980). Ph.D (UM. 1992). Hingga tahun 2006 terus mengajar di Pusat Bahasa. Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu dalam bidang kepakarannya Seni Budaya Warisan (kursus Kesenian Melayu Tradisional, Pemerian Budaya Benda, Tekstil dan Busana Melayu, Sejarah dan Teori Penghayatan dan Falsafah Seni, Penulisan Kreatif). Beliau juga adalah Fellow Penyelidik ATMA (1995-1996), Pengarah Kebudayaan UKM (1996-1999). Penyelidik ATMA (2006-2007). Universiti Malaysia Sabah (2014-2016).



Dalam dunia penulisan, wanita berjiwa besar ini cukup aktif menghasilkan penulisan ilmiah seni budaya, eseи kajian analisis dan kritikan di samping menghasilkan buku ilmiah, buku sastera kajian dan penulisan kreatif berupa puisi, cerpen dan novel.

Bagi beliau sastera dan kesenian merupakan dua elemen yang sebagai dalam jiwanya. Menurutnya menulis puisi merupakan kerja-kerja mencatat lagi lakaran di buku sketsa, . Kedua dunianya tidak terpisah sebagai satu karya yang berbagai wajah. Pertembungan dengan alam dan lingkungan sosiobudaya memberinya rangsangan untuk merenung, berfikir dan cepat menyatu dengan jiwa hingga menggugah untuk melontarkan idea dan imaginasi, menyatukan pengalaman masa lalu, kini dan masa hadapan.

### Karya ilmiah

*Getaran Jalur dan Warna* (Fajar Bakti 1985), *Rekabentuk Kraf tangan Melayu Tradisi* (DBP 1986), *Percikan Seni* (DBP 1989), *Alam Puisi* (DBP 1990), *Tekstil Tenun Melayu* (DBP 1994), *The Traditional Malay Handicraft* (DBP 1997), *Busana Melayu Johor* (Yayasan Warisan Johor- Fajar Bakti, 1997), *Kembara Seni Siti* (Galeri Melora- Utusan Melayu 1997),

*Zikir Pelangi The Rainbow* (Galeri Melora 2000), *Pakaian Cara Melayu* ( UKM 2006/2009 ), *Memasuki Taman Puisi* (DBP 2009), *Aceh Suara dari Hujung Tambak* (DBP 2010). Dan sejumlah kumpulan eseи kajian dalam Jurnal terbitan UKM, UM, USM, UPM dan DBP juga terbitan Universitas di Indonesia (Aceh, Malang, Jakarta). Tenun Johor (Yayasan Warisan Johor, 2018 ), *Sastera dan Seni Lukis : Menuju Hikmat Bijaksana Luqman Halim dengan Konsep Al-Jamal*. Syarahan Kursi P Ramlee untuk Pelajar Pasca ASWARA.

### Karya penulisan kreatif:

**Puisi :** *Nyanyian Malam* (DBP, 1976/ Galeri Melora 2004), *Puisi Puith Sang Kekasih* (UKM 1984), *Perkasihan Subuh* (Bulan Bintang, Bandung 1986), *Kau Nyalakan Lilin* (Grupemuisi UKM 1990), *Bunga-bunga Bulan* (Creatife Enterprise 1992) , *The Moon is a Candle* (terj Harry Aveling, DBP 1996), *Taman-taman Kejadian* (Galeri Melora, 1996), *Witir Sela Merapi* (Galeri Melora 2004), *Gelora Air Geulumbang Rayeuk Aceh* (SMS Puisi, Galeri Melora 2005), *Kasih Bonda Kampung Paya Kami* (DBP 2008, UC 2014,2015), *Bonda's Love Our Kampung Kami* (terj. Bahasa Inggeris dan Russia, ITBM 2010), *100 Malay Proverbs- Pepatah Petith Melayu* (ITBM 2010/ terj Bahasa Jepun 2014, Jerman 2014), *Surat dari Awan* (ITBM 2014).

### Puisi Kanak-kanak

*Bijak Si Katak Bijak* (ITBM 2012, Hadiah Sastera Malaysia ), *Angsa Istana Si Jambul Desa* (ITBM 2014) , *Aqsar dari Sungai Air Tawar* (ITBM 2015), *Zaman Cicak-Mengkaraung* (ITBM 2015), *Cik Bunga Rantau Abang* (ITBM). Bakal Terbit *Cicak Mengkarung, Semut Kuala Abai, Bawang Putih Bawang Merah dan Kampung Kelapa* ( DBP 2020).

### Cerpen

*Seri Padma* (DBP 1984), *Dongeng Si Siti Kecil* (1986) *Attar Lembah Mawar* (Marwilis 1988), *Bunga Putik Putih* (DBP 1992), *Kampung Paya Kami* (Galeri Melora 1998), *Nyanyian Orang Laut* (bersama A Rahmad, Galeri Melora 2000), *Jurai Palma* (DBP 2002) , *Pala Muda* ( DBP, 2005 , Ulang Cetak 2006), *Jingga Sakti* (2020)

### Novel

*Rembang Flamboyant* (Fajar Bakti 1984, UC), *Pulau Renik Ungu* (DBP 2002, UC 2014,2015), *Delima Ranting Senja* (Utusan Melayu, 2004)

Puisi-puisi , cerpen dan buku beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa dunia antaranya Bulgaria, Manderin, Hindi, Inggeris. Itali, Korea, Jawa, Jepun, Jerman, Perancis, Russia , Thai dan Urdhu.

### Sarjana dan Seniman Undangan Luar Negara

Beliau juga kerap di undang membentang kertas kerja dalam Seminar - Forum Sastera dan Seni serta acara Puisi Dunia. Antaranya: Valmiki Poetry Reading New Delhi -Bhopal, India (1985), Malam Puisi Indonesia Merdeka, Berlin (1986), Sastera Nusantara, UGM Jogjakarta (1986), International Korea Poetry (1986), Seminar Sastera Budaya ASEAN, Univ Jabal Ghafur, Aceh (1997), SEA Write Award Poetry Reading , Bangkok (1989) Malay Poetry Reading, London (1992), Istiqlal Poetry Reading, Jakarta (1992), Kurator Pameran Pelukis Wanita Malaysia-Indonesia, Museum Nasional, Jakarta dan Balai Seni Lukis Malaysia (1992), Forum Busana Muslimah, Jakarta (1992), Puisi Melayu Nusantara, Singapura (1993), Asian Women Art and Literature, Humberg University (2000), Asia History and Social-Culture Confrence, St Petersburg (2003), Bologna International Book Fair (2013), Tokyo International Book Fair (2013, 2014), Temu Puisi 8 Negara Dunia, Aceh 2016. Kembara

penyelidikan Seni Budaya Dunia Melayu hampir seluruh wilayah budaya Indonesia terutama Aceh, Makassar, Ranah Minang, Kepulauan Riau, Jawa dan Bali, Selatan Thai (sejak 1985 hingga kini), Budaya Melayu Nusantara, Kota Langsa (2018), Keindahan Seni Warsian Melayu-Aceh, Universiti Tunku Umar, Meulabuh, Aceh (2019). Dialog Puisi di Singapura (2020).

### Pameran Lukisan - Solo Exhibition

*Pameran Lukisan Batik dan Tinta, Shah Motel Petaling Jaya (1960), Pameran Karya Pelukis ASRI, British Council, K.Lumpur (1972), Sketsa Lulusan ASRI, Sanggar Senisono Jakarta (1973/1974), Pameran GarisGerak, K.Lumpur (1980), Pameran Lukisan, Nota Kebangsaan Malaysia (1981), Bunga-Seni Lukis Negara (1992), Pameran SZI dalam Warna (DBP KL, Alor Setar Pinang, Jakarta, Brunei dan Shah Alam, Seni Yayasan Kesenian Perak (2002), Selamanya, Galeri Pitoe, Jogjakarta (2004). Janggi, Soko Gakai Kuala Lumpur (2008). Pameran Alami Belas-Be Love, Balai Seni Lukis Negara (2017-2018)*



*Pamean Lukisan & Jogjakarta/ TIM Wisma Lok Kajian, Universiti bungan Bulan, Balai Keliling 30 tahun Kedah, Pulau 1997-1978), Gebang Sesaat Jumpa Bertali Angin Si Pauh*

Pameran Bersama lebih 30 pameran Anjuran Balai Seni Lukis Negara, Angkatan Pelukis Semenanjung, Anak Alam. Serta pameran dan melukis di jalanan dalam dan luar negara: India (1985), Eropah London (1986,1992), Cambridge, Oxford, Denmark, Finland, Sweden, Humberg, Vianne, Salburg, Venezia, Rome, (1986,2013), Jorden-Juruselam (2011), Athens (2013), Tokyo, Kyoto (2013,2014) dan Negara ASEAN Kepulauan Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand.

### Anugerah

Atas usaha dan semangat seni, SZI telah diberi perbagai penghargaan : Hadiah Lukisan Batik MAHA ( 1967/1968), Hadiah Sketsa KARTINI (ASRI 1970/1972/1973), Pingat Jubli Perak Sultan Selangor (1986), Penghargaan Seni Seoul Country Club, Korea (1986), Hadiah Esei Dewan Sastera (1988), Hadiah Satera Malaysia (1976/ 1977/ 1078, 1082/ 1985/ 1996/ 1997/ 2010/ 2012/ 2014), SEA Write Award, Bangkok (1989), Gelar Teuku Chut Nyak Fakinah, Majlis Kebudayaan Aceh (1990), Penghargaan Usaha Seni Tan Sri Fatimah-Avon (1993), Pingat Seri Mahkota Selangor (1993), Anugerah Profesor Luar Biasa Universitas Jabar Ghafur Aceh (2006) Anugerah Budayawan Selangor (2009), Anugerah Budayawan Gombak, PAKSI (2012). Anugerah Srikandi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung(2018). Hadiah Buku Neraga (2019), Anugerah Citra Mahsuri, ASASI 2019.



### Ahli Lembaga Penasihat Seni Budaya

Dengan Pengalaman ilmu dan sebagai aktivis perjuangan seni budaya beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Balai Seni Lukis Negara ( 1991-93), Ahli Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (1996-2006), Editor Bersekutu Dewan Sastera (2002-2004), Ketua 11 Persatuan Penulis Selangor (1994-2000), Ahli Majlis Sastera Nusantara – MASTERA ( 1997-1998), AJK


Anugerah Seni Negara KEKWA ( 1996-1999) , Ahli Majlis Penasihat Berkenaan Kebudayaan KEKWA – Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan (2002- 2006), Ahli Lembaga Yayasan Kesenian Perak (2003-2005), Ahli Lembaga Muzium Negeri Selangor, bahagian Tekstil Busana (2002 - 2005), Direktor Ekskutif 11, Pusat Studi Melayu – Aceh, PUSPA ( 2002- ), Ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan (2003-2006), Pengerusi dan Ketua Penyelidikan Muzium Teksil Malaysia (2000-2010), Penasihat Berkenaan Kebudayaan Kebangsaan (1995-1997, 2012/1013), Ahli Lembaga Perbadanan Adat Istiadat dan Kebudayaan – PADAT Selangor ( 2009-2012), Pengarah Projek Persembahan MESTIKA HATI – Pelancaran PADAT, Selangor (2010), Konsultan Seni Hias Melayu, Arkitek Bahri – projek Seni Taman Putrajaya (2006), AJK Pakar Busana, Tekstil dan Seni Hias Diri Jabatan Kebudayaan Negara, KPKM (2012-2013-2014/2015-2017), Pakar Rujuk dan Penulisan Buku Warisan Iskandar Puteri, IRDA dan Majlis Bandaraya Johor Bahru ( 2012-2014), Pakar Rujuk Tekstil dan Busana Johor, Yayasan Warisan Johor (2013-2014), Pakar Rujuk Tekstil dan Busana Di Raja Johor (2014-2015), Ahli Panel Penasihat Pakaian Rasmi ADUN / Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Johor (2014), Penal Pakar Sastera Moden- PUISI, DBP (2014-2016), Penyelidik Projek Kritik Sastera Sebagai Pemahaman Lintas Budaya Antara Bangsa Serantau-Puisi, DBP (2014), AJK Pakar Tekstil- Busana-Seni Hiasan Diri, Jabatan Warisan Negara, KPKW (2014-2015), Pendiri SEBUDI – Sahabat Seni Budaya Sastera Wanita (2013 - ), Penasihat dan Ketua Penyelidikan Seni Budaya Bajau, UMS & JKKN Sabah (2014-), Pakar Rujuk dan Pembimbing Ilmu Kearifan Tempatan, DBPSabah (2014-2015), Ahli Lembaga Penasihat Yayasan Usman (2014- ) Pengerusi-Penasihat Sahabat Kebun Arif-Siswazah Seni UMS (2015-), Pengurus Penyelidik Etnografi Bajau Sama & Iranun Sabah (2015-2016), Penyelia Pelopor Binaan Seni Arca Laman Merpati Putih, UMS 2015/2016,Pengerusi Pakar Warisan Busana, Tekstil, Seni Hias, Warisan Kebang,2020-2021

**Sebagai Sarjana** beliau mula bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Tutor (1976- 1979), Pensyarah/Dosen (1980- 1990 ) Prof Madya dan Profesor hingga tahun 2007) dan kini (2014-2016) memberi sumbangan ilmu sebagai Profesor Sejarah Seni Budaya, Estetika dan Falsafah Kebudayaan dan Kesenian di Universiti Malaysia Sabah (2014-2016) dan terus menulis kajian ilmiah dan seni budaya, kolumnis Sajak Lakarwarna *Dewan Sastera* sejak tahun 2005. Merupakan aktivis Pendidikan Seni Remaja dan Sahabat Budaya Siti @ SEBUDI



*Bahagia di samping puteri dan putera kesayangannya*  
*Siti Melorinda Khuzaina bt Sakdudin (1978) dan Imannurdin Wira bin Sakdudin (1982)*

### SEHINGGA KINI BELIAU MASIH GIGIH BERKARYA SYABAS



**Syair Kubur : Ingatan Buat Ummah**  
**Oleh**  
**Noriah Mohamed - KAK NONG**

Teks yang diteliti adalah hasil koleksi yang diperolehi oleh Yayasan Warisan Johor (YWJ) sewaktu mengadakan penelitian ke Pulau Penyengat pada beberapa tahun yang lalu. Teks ini amat menarik kerana kesah yang dilontarkan pengarang adalah luahan rasa yang berkaitan dengan kematian. Setiap makhluk akan menghadapi mati dan mati tidak dapat dielakkan walaupun kita cuba sedaya upaya untuk mengelakkannya. Namun demikian gambaran tentang kematian terus diukir dengan pelbagai wadah seperti prosa, puisi, lagu sebagai sarana untuk mengingatkan bahawa dunia sekadar pinjam-pinjaman. Di bawah ini dicatatkan beberapa rangkap daripada syair Kubur tersebut.

Namanya syair bintang bersilam  
 Buat dibaca saudara Islam  
 Supaya ingat hati yang galam  
 Tetapkan Allah iman di dalam

Janganlah riak jangan ta'kabur  
 Pandang oleh mu kepada kubur  
 Di sana tempat jasadnya lebur  
 Hancurlah seperti bubur

Badan separat badan terguling  
 Kanan dan kiri tiada berpaling  
 Anak saudara duduk berkuliling  
 ada yang menangis memegang geguling

Kalaukan kita hampirkan mati  
 Datang penyakit tiada berhenti  
 Sahabat handai datang mengobati  
 usahakan senang tambah menyakiti

Datanglah halim hilir dan hulu  
 Mengajar kelimah bertalu talu  
 Hendak menyambung sukar terlalu  
 Bibir nan berat lidah pun kaku

Ingatlah - ingat kita sekaliannya  
 Jangan lupa di Akhirat nanti  
 Di sana tempat kita berada  
 Di tanah yang suci kita kembali

Maka sembahyang jangan ditinggalkan  
 Supaya Allah kasih dan sayang  
 Ibadah jangan sampai ditinggalkan  
 Supaya kita menjadi senang

Membaca keluhu memberatkan timbangan  
 Bagi orang yang beriman  
 Jibril ,Mikail ,Isrofil dan izroil turut bersenang  
 Jasmani dan rohani menjadi senang

Kata Allah di dalam Alqur'an  
 Inilah tempat orang beriman  
 Bersenang senang di dalam taman  
 Dihiburkan 40 Bidadari kiri dan kanan

Sembahyang harus di jaga  
 supaya kita mendapat syurga  
 Di sana kita bersuka ria  
 Bersama malaikat Riduan namanya

Di dalam surga semuanya ada  
 Makan dan minum sudah sedia  
 di situ tempat kita berjumpa  
 dengan Zat Allah Azawajalla

Bersolawat dengan nabi itu utama  
 Bagi kaum muslimin dan muslimat  
 Supaya kita hidup bahagia  
 di dalam dunia sampai Akhirat

Nabi kita nabi Muhammad  
Tuntunan segala umat  
sampai akhir alam kiamat  
tiada lagi nabi yang lainnya

Sadarlah kita semuanya  
Hidup di dunia hanya sementara  
Bertasbihlah kita sebanyak banyaknya  
Supaya kita masuk ke syurga

Allah senang kepada kita  
Karena kita selalu memujinya  
Di dalam surga sudah sedia  
semuanya serba ada

Alkisah mula disebutkan,  
suatu fasal kita nyatakan,  
Memberi ingin sahaja disyairkan,  
menjadi sunat semua yang mendengarkan<sup>1</sup>

Hendaklah ingat sekalian ikhwati  
Janganlah lupa di dunia ini,  
Suka bermain ke sana sini  
Hidupnya kita sahajakan fani<sup>2</sup>

Janganlah riya' dan takbur,<sup>3</sup>  
Pandang oleh mu kepada kubur,  
Di sana tempat jasad nan lebur,  
Hancurlah luluh seperti bubur.

Sementara badan sihat sentosa,  
Kerjakan ibadah sentiasa,  
Jikalau sudah letih dan lesa<sup>4</sup>  
Berbagai-bagai sakit dirasa.

Tatkala kita hampirkan mati,  
Datanglah penyakit tiada berhenti,  
Sahabat dan handai datang ngobati<sup>5</sup>  
Usahkan senang bertambah menyakiti.

Lemahlah badan tiada bergaya,  
Hilanglah akal budi upaya,  
Sudah takdir Tuhan Yang aya,  
Anak dan isteri tinggallah dia.

Tatkala nyawa hendak melayang,  
Nafas pun singkat daging bergoyang,  
Mendem<sup>6</sup> seperti mabuk kepayang,  
Semua yang memandang bercinta sayang.

Tatkala nyawa hendak tercabut,  
Baharu di situ sesal berkabut,  
Panas dan radang minta dikebut<sup>7</sup>,  
Naiklah turun nafas berabot.<sup>8</sup>  
Badan seperti badan terguling,  
Kanan dan kiri tiada terpaling,  
Sanak saudara duduk keliling,  
Ada yang menangis memegang guling.<sup>9</sup>

Badan nan letih daif terlentang,  
Tiada bergerak seperti batang,<sup>10</sup>  
Mata tersurup<sup>11</sup> ke atas menantang<sup>12</sup>  
Sahabat handai semua berdatang.

Datanglah ulama ilir<sup>13</sup> dan ulu<sup>14</sup>  
Mengajar kalimah bertalu-talu,  
Hendak menyambut<sup>15</sup> sukar terlalu,  
Bibir nan berat lidah pun kelu.

Banyaklah sesal kembali tak boleh,  
Muka nan tidak dapat menoleh,  
Sakitnya sangat bagi disembelih,  
Air mata sahaja meleleh.

Datanglah fakir haji dan qari,  
Membaca Yassin kanan dan kiri,  
Yang sakit tidak khabarkan diri<sup>16</sup>,  
Nafas pun singkat mata berdiri.

Malaikat maut sangatlah murka,  
Diambilnya nyawa dengan seketika,  
Tinggallah sekalian adik dan kaka<sup>17</sup>,  
Anak dan isteri nangis belaka.

<sup>6</sup> Mendem-mabuk (bahasa Jawa)

<sup>7</sup> Dikebut-dikipas (bahasa Jawa)

<sup>8</sup> Berabot-berat (bahasa Jawa)

<sup>9</sup> Guling-bantal peluk ( bahasa Jawa)

<sup>10</sup> Batang-bangkai ( bahasa Jawa)

<sup>11</sup> Tersurup-layu( bahasa Jawa)

<sup>12</sup> Menantang –melihat (bahasa Jawa)

<sup>13</sup> Ilir-hilir

<sup>14</sup> Ulu-hulu

<sup>15</sup> Menyambut-menyebut. Perubahan bunyi disebabkan ada aksara mim

<sup>16</sup> Dakam teks ditulis khabarkandi. Keemungkinan penyalin tertinggal huruf ra dan ya.

<sup>17</sup> Kaka-kakak. Penyalin meninggalkan aksar kaf kemungkinan ingin menyamakan rima dengan baris yang lain.

<sup>1</sup> Menengarkan –bermaksud mendengarkan

<sup>2</sup> Fani bermaksud fana –tak kekal

<sup>3</sup> Taabur- takabur (membangga diri)

<sup>4</sup> Lesa- kemungkinan daripada perkataan tak selesa.

<sup>5</sup> Ngobati-mengubati dan di sini terdapat enyengauan yang dipengaruhi bahasa Jawa.

Tatkala nyawa sudah melayang,  
Ngailah darah tiada berbayang,  
Jasad nan tidak lagi menggoyang,  
Menangislah semua yang kasih sayang.

Masyghulnya hati pilu menjarang,  
Anak dan isteri sekalian jarang,  
Riuuhlah rendah tangis menderam,  
Barang sambat<sup>18</sup> menjadi haram.

Hendaklah ingat kita sekaliannya,  
Jangan sambat haram hukumnya,  
Di akhirat besuk sangat seksanya  
Sekadar menangis tiada apanya.

Kebanyakan orang masa begitu,  
Lupa haramnya ketika itu,  
Tangis meratap tiada bertentu,  
akal dan fikir semuanya mutu.

Syair Kubur adalah salah satu teks yang banyak kita ketemui di Pulau Penyengat yang menjadi pusat pendidikan ummah Melayu dan yang paling ketara ialah sewaktu Raja Ali Haji. Banyak syair yang digubah seperti Syair Siti Sianah, Syair Kita al-Nikah dan sebagainya. Kebanyakan teks yang ditulis bertemakan agama dan nasihat buat ummah Melayu seperti teks yang diteliti ini. Aura dan tema seperti ini tidak hanya ditulis dalam bentuk syair malah terdapat dalam bentuk prosa sehingga dijadikan lirik lagu sebagai sarana nasihat dan ingatan sesama ummah.

Kisah dalam syair ini memang panjang. Penulis hanya memasukkan beberapa rangkap sahaja untuk dijadikan pedoman kepada pembaca tentang kematian. Untuk mengikuti kisah selanjutnya pembaca boleh mendapatkan buku Syair Kubur ini di kedai Bulu Haji Abdullah bin Haji Muhammad Said bin Haji Muhammad Arshad di No. 54, Basrah Street, Singapura

---

<sup>18</sup> Sambat-sebut atau meratap

Khas buat Pelajar sekeluarga  
Terima kasih buat Kerajaan Malaysia  
29.4.2020  
COVID-19 / PKP 4.1

**PULANG DAN DATANG**  
**(buat pelajar seluruh negara)**

oleh  
Dr. Siti Zainon Ismail  
Sasterawan Negara

.....

Alhamdulillah  
yang pulang sudah tiba  
disambut penuh gembira  
jangan lupa  
musibah pancaroba  
Ujian Sang Kuasa  
belum berakhir  
sekali air bah  
tidak semua pasir berubah.

Kalau kau anak pantai  
tahu erti tiupan angin  
tengkujuh menderu  
awan bergulung  
angin memintal gelombang  
sempat kah bangau singgah  
menemani nelayan pulang  
atau yg pulang hanya bayang?

Tidak  
yang pulang anak watan  
membawa semangat perjuangan  
tugas besar masa depan  
bukan hanya Ibu bapa keluarga menunggu  
penuh harapan  
negara juga menanti lahir pemimpin  
bijaksana tanpa pamrih  
Negara dipimpin berhati putih.

Hentikan bergaya umang  
jadilah diri bagai kelapa  
jatuh di air menjadi pulau  
setinggi terbang bangau  
jangan kau lupa belakang kerbau.

Pulanglah anak ku  
kelak kembali menebar ilmu  
Ilmu bukan milik peribadi  
setelah diuji  
bagai selasih kembang pagi  
biar kecil tersembunyi  
menyumbang wangi  
Anugerah Ilahi.

**PESANAN MASYARAKAT** dari Bilik Gerakan COVID-19

Universiti Kebangsaan Malaysia (The National University of Malaysia) merdeganamsejarnah

50<sup>th</sup> Anniversary

The graphic contains six white silhouettes against a dark background with red and orange spots resembling a virus. Each silhouette has a caption below it:

- Jaga jarak anda (Keep your distance) with a 1-meter measurement arrow between two figures.
- Amalkan etika batuk (Follow咳嗽 etiquette) showing a person coughing into their elbow.
- Kerap cuci tangan menggunakan sabun atau cecair nyahkuman (Frequently wash your hands with soap or hand sanitizer) showing hands being washed at a sink.
- Pakai topeng muka jika mempunyai simptom (Wear a face mask if you have symptoms) showing a face mask.
- Bersihkan diri setelah balik dari urusan luar (Cleanse yourself after returning from external affairs) showing a hand being washed with a spray.
- Jangan keluar rumah tanpa urusan penting (Don't leave home without important business) showing a house icon.

#Covid19BantuKamiBantuAsnaf  
**PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH & HARTA**  
 SECARA ATAS TALIAN

Dengan 3 langkah mudah

1. Imbas QR kod atau layari <https://fpx.zakatselangor.com.my/>
2. Isi & lengkapkan maklumat diri anda
3. Buat bayaran zakat

TALIAN ZAKAT SELANGOR **1-300-88-4343**

### IKLAN

Sidang editor buletin mengalu-alukan sumbangan sebarang artikel yang bersesuaian daripada ahli Persatuan untuk diterbitkan di dalam buletin-buletin yang akan datang.

Walau bagaimanapun sebagai makluman artikel-artikel tersebut akan ditapis terlebih dahulu oleh sidang editor sebelum boleh diterbitkan.

Untuk tujuan tersebut, ahli boleh hubungi:

**Dr. Misran Rokimin**  
 0133542787  
[dr.misran@gmail.com](mailto:dr.misran@gmail.com)

**Salmah Kasmani**  
 0123755899  
[Salmah.kasmani@gmail.com](mailto:Salmah.kasmani@gmail.com)

#### **Sidang editor Buletin**

Dr Misran Rokimin  
 Abd. Raai bin Osman  
 Encik Othman Ahmad  
[Puan Rosenaini@Rusnaini A. Saman](mailto:Puan.Rosenaini@Rusnaini.A.Saman)  
 Puan Salmah Kasmani